

12 aduan dibuat, penduduk Taman Lahat Indah mahu pihak MBI bertindak

Bimbang anjing liar berkeliaran

Oleh MUHAMAD TARMIZE
MOHD. NOR

POH – Lebih 200 penduduk di Taman Lahat Indah dan Taman Lahat Bestari, Lahat dekat sini diselubungi kebimbangan apabila kira-kira 60 ekor anjing liar berkeliaran di sekitar kawasan perumahan itu sejak kebelakangan ini.

Seorang penduduk, Mohd. Khiril Anuar Shamsudin berkata, masalah anjing liar di kawasan taman dan sekitarnya bukan perkara baharu, bahkan ia bermula sejak kawasan kediaman itu dibuka empat tahun lalu.

Bagaimanapun katanya, lama kelamaan bilangan



KAMARULZAMAN



KHIRIL ANUAR

anjing liar semakin bertambah.

“Ini kerana ada pihak tertentu membuang anjing di kawasan ini menyebabkan haiwan ini cepat membiak.

“Ada masanya anjing-anjing liar ini menyelongkar tong-tong sampah di hadapan rumah penduduk,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* semalam.

Tambahnya, kehadiran

haiwan itu membingungkan penduduk terutama mereka yang mempunyai anak kecil.

“Kita bimbang anjing-anjing ini membawa virus yang berbahaya seperti rabies yang

boleh menyebabkan kematian.

“Penduduk telah membuat 12 aduan kepada pihak Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) tetapi tiada tindakan diambil,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga Taman Lahat Indah, Ahmad Kamarul Zaman Abdul Rahaman berharap pihak berkuasa tempatan mengambil inisiatif untuk



BEBERAPA ekor anjing liar berkeliaran di sekitar di Taman Lahat Indah menyebabkan penduduk di kawasan perumahan itu kebimbangan.

menangkap anjing-anjing tersebut.

“Sebelum ini pernah

berlaku beberapa kejadian penduduk di kejar anjing.

“Kita tidak mahu perka-

ra buruk berlaku barulah pihak berkuasa datang bertindak,” ujarnya.